

# PM mahu perwakilan asing bantu tarik pelaburan luar

BH - 16/12/2022 m/s: 2

Bawa pendekatan lebih segar tingkat minat negara asing ke Malaysia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir

yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Ketua Perwakilan Diplomatik ke luar negara dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia.

Perdana Menteri mencadangkan semua Ketua Perwakilan Diplomatik terbabit membawa pendekatan lebih segar bagi tujuan berkenaan.

“Saya ucapkan selamat maju jaya kepada mereka dan semoga dapat membawa nama negara terkait hala tuju dasar luar ke tahap lebih baik,” katanya semalam.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan, menerima kunjungan hormat kumpulan Ketua Perwakilan Diplomatik yang



Perdana Menteri menerima kunjungan hormat kumpulan Ketua Perwakilan Diplomatik yang baharu di pejabatnya di Putrajaya semalam.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

baharu di pejabatnya di Putrajaya.

Mereka ialah Duta ke Emiriah Arab Bersatu, Datuk Seri Ahmad Fadil Shamsuddin; Duta ke Vietnam, Datuk Tan Yang Thai; Duta ke Jerman, Dr Adina Kamarudin; Pesuruhjaya Tinggi ke Pakistan, Mohammad Azhar Mazlan dan Duta ke Jordan, Mohamad Nasri Abdul Rahman.

Turut hadir, Duta ke Uzbekis-

tan, Ilham Tuah Illias; Pesuruhjaya Tinggi ke New Zealand, Mazita Marzuki; Duta ke Laos, Edi Irwan Mahmud; Duta ke Senegal, Zainal Izran Zahari; Duta ke Kazakhstan, Mohd Adli Abdullah; Pesuruhjaya Tinggi ke Sri Lanka, Badli Hishiam Adam.

Isnin lalu, Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong mewakili negara ke persidangan antarabangsa di

Brussels, Belgium.

## Meterai pelbagai perjanjian

Beliau ditugaskan mewakili Menteri Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ke Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-Kesatuan Eropah (EU), iaitu sebahagian agenda Sidang Kemuncak ASEAN-EU.

Sebelum itu, Tengku Zafrul me-

ngetuai misi perdagangan ke Abu Dhabi bagi menyaksikan pemeteraian kerjasama di antara PETRONAS Abu Dhabi Sdn Bhd dan Abu Dhabi National Oil Company.

Kerjasama bersejarah di antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) itu bagi meneroka dan menilai Unconventional Onshore Block 1, meliputi kawasan konsesi 2,000 kilometer persegi di wilayah Al Dhafra.